

## KKM rangka pinda akta banteras ceroboh data, jenayah scam

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Muhammad Yusri Muzamir - Ogos 1, 2022 @ 7:56pm  
bhnews@bh.com.my



Tan Sri Annuar Musa pada sidang media di bangunan Parlimen, hari ini. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKM) sedang merangka pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi memperkasa penguatkuasaan membanteras isu **pencerobohan data** dan scam.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa, berkata pindaan akta berkenaan membabitkan beberapa penambahbaikan tertentu dan dijangka dibentang di Dewan Rakyat dalam masa terdekat.

Mengikut kajian syarikat keselamatan siber, Surfshark, Malaysia berada di kedudukan ke-11 negara paling tinggi data penggunaanya diceroboh pada suku kedua 2022, membabitkan lebih 665,200 pengguna.

"Kita akui hampir 100 juta data terbukti diceroboh secara beberapa kali sehingga 2021. Tindakan mengikut undang-undang termasuk mendenda pihak yang cuai sehingga menyebabkan data terceroboh.

"Oleh kerana ia berterusan dan rumit untuk diatasi, memerlukan langkah lanjut untuk mengekangnya termasuk meminda beberapa fasal dalam akta bagi membolehkan penguatkuasaan lebih kukuh.

"Kita juga perlu meilihat kepada penggunaan teknologi tertentu untuk memperkukuh perlindungan data, termasuk soal scam yang berleluasa dan menyebabkan kerugian pada jumlah besar," katanya pada sidang media di bangunan Parlimen, hari ini.

Berdasarkan siasatan, katanya, kebanyakan panggilan penipuan atau 'scam' menggunakan nombor telefon individu yang sudah meninggal dunia atau tiada dalam perkhidmatan.

"Jadi, kita mahu wujudkan akses bagi amaran awal untuk perkara ini," katanya.